



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Sekretariat Mastera Singapura

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438

## **Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara(SAKAT) dan Majlis Penyampaian Hadiah Terjemahan Majlis Sastera Asia Tenggara(Mastera) 2019**

### **1. SAKAT 2019**

Singapura menjadi tuan rumah bagi Sidang Ke-25 Mastera dan Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT). Ini merupakan kali kedua Majlis Bahasa Melayu Singapura menjadi tuan rumah. Kali pertama pada tahun 2015. SAKAT diadakan pada 28-29 September 2019 di The Pod, Bangunan Perpustakaan Negara. Bertemakan “Kota, Teknologi dan Kemanusiaan”, SAKAT tahun ini akan membincangkan isu-isu seperti i) teknologi, nilai dan rentas media, ii) Kesatuan dan Pengantarabangsaan Sastera Asia Tenggara dan iii) pembangunan ekologi sastera dan potensi manusia.

Forum Sasterawan Muda pula akan mengemukakan penulis-penulis yang merupakan alumni program penulisan Mastera yang diadakan di Indonesia setiap tahun. Para panelis yang terdiri daripada penulis muda dari negara-negara Mastera akan membincangkan isu teknologi dalam sastera, idea kemanusiaan dalam penggunaan teknologi dan peranan sastera dalam memanusiaikan teknologi.

Senarai pembentang kertas kerja dan panelis Forum Sasterawan Muda terdapat di dalam buku aturcara.

### **2. Hadiah Terjemahan Mastera 2019**

Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) menganjurkan Hadiah Terjemahan Mastera buat julung-julung kalinya pada tahun 2019. Peraduan penterjemahan merupakan inisiatif Mastera Singapura dalam usaha untuk mengetengahkan dan mengiktiraf karya-karya terjemahan, serta menggalakkan kegiatan penterjemahan sastera Melayu/Indonesia ke Bahasa Inggeris. Peraduan berperingkat rantau ini diadakan dari 27 Januari hingga 30 Mei 2019 dan dibuka kepada warganegara negara Mastera. Setiap negara Mastera; Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura menganjurkan peraduan ini.

Majlis penyampaian hadiah akan dilaksanakan di The Pod, Bangunan Perpustakaan Negara. Majlis diserikan dengan kehadiran tetamu terhormat, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, Menteri Sekitaran dan Sumber Air merangkap Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam.



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Sekretariat Mastera Singapura

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438

Prof Madya Dr. Muhammad Faishal Ibrahim, Pengerusi MBMS, mengatakan bahawa inisiatif Mastera Singapura membolehkan kesusasteraan Melayu serantau bergerak seiring dengan perkembangan sastera dunia, dengan usaha mengenalkan sastera kita kepada masyarakat antarabangsa melalui Hadiah Terjemahan Mastera.

Menteri Sekitaran dan Sumber Air, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, mengatakan “Usaha ini penting untuk memastikan karya Melayu/Indonesia dapat terus ditampilkan ke arena global, dikenali, dibaca, dikaji dan dihargai oleh dunia di luar negara-negara Mastera. Semoga ini dapat menjadi menjadi pemangkin kepada usaha penterjemahan bahan-bahan sastera seterusnya.”

Pengerusi Mastera Singapura, Prof Madya Dr. Hadijah Rahmat juga menambah “ Hadiah Sastera Terjemahan Mastera 2019 adalah inisiatif penting dan sumbangan unik Mastera Singapura untuk pembangunan dan pengluasan sastera Asia Tenggara ke dunia antarabangsa. Semoga usaha ini mendapat sokongan positif berterusan dari golongan penulis, penterjemah dan khalayak persuratan”

### **3. Objektif Hadiah Terjemahan Mastera 2019**

Hadiah Terjemahan Mastera 2019 dilaksanakan dengan objektif berikut:

- i. Mengembangkan karya-karya berbahasa Melayu/Indonesia yang berlatar belakang tradisi, budaya dan nilai Melayu/Indonesia ke peringkat antarabangsa agar dikenali, dibaca dan dikaji oleh dunia di luar negara-negara Mastera.
- ii. memberikan peluang bersama kepada para sasterawan memajukan bakat, penterjemahan, pengadaptasian, penerbitan, dan pengiktirafan terhadap pencapaian mutu ciptaan sastera.
- iii. mengenal pasti karya-karya sastera Melayu/Indonesia yang diterjemahkan ke bahasa Inggeris dan bermutu yang dihasilkan di negara-negara yang menjadi anggota Mastera;
- iv. mengenal pasti dan membangunkan bakat dalam bidang penterjemahan karya-karya sastera asia tenggara (yang berbahasa Melayu); dan
- v. memberikan pengiktirafan bertaraf rantau kepada karya-karya terjemahan yang bermutu.



#### 4. Pelaksanaan Hadiah Terjemahan Mastera 2019

Hadiah diberikan kepada karya yang diterjemahkan daripada karya asal (Bahasa Melayu/Indonesia) ke bahasa Inggeris. Berikut adalah genre yang diterima oleh Mastera Singapura (bergantung pada tahun penilaian):

Kategori Genre	Kriteria penyertaan
Puisi	Setiap penyertaan mesti mengandungi terjemahan <u>lima buah sajak</u> yang telah ditetapkan.
Cerpen	Setiap penyertaan mesti mengandungi terjemahan <u>satu cerpen</u> (maksimum 5000 perkataan) yang telah ditetapkan.

Bagi tahun 2019, Mastera Singapura menerima terjemahan dalam genre puisi (sajak).

Lima sajak yang terpilih untuk diterjemahkan oleh setiap negara Mastera tahun ini ialah:

##### BRUNEI DARUSSALAM

Tajuk	Penulis
<i>Patriot</i>	Yahya M.S.
<i>Daulat Mahkota</i>	Badaruddin H.O.
<i>Di Sini Air Terus Mengalir</i>	K. Manis
<i>Sebuah Bisikan Ikhlas</i>	Abdullah Tahir
<i>Merdeka atau Mati</i>	H. Mar

##### INDONESIA

Tajuk	Penulis
<i>Fobia</i>	Sosiawan Leak
<i>Aku Tulis Puisi</i>	Sosiawan Leak
<i>Negeri Sempura</i>	Sosiawan Leak
<i>Tuhan Terserah Dia</i>	Sosiawan Leak
<i>Negri Kadal</i>	Sosiawan Leak

##### MALAYSIA

Tajuk	Penulis
<i>Sengaja Aku Memilih Beza</i>	Ratna Laila Shahidin



<i>Pidato Ini, Brutus</i>	Siti Raihani Mohamed Saaid
<i>Selepas Hujan</i>	Ramzah Dambul
<i>Tanah Diciptakan Angin</i>	SM Zakir
<i>Anggur Asmara</i>	Tuah Sujana

## SINGAPURA

Tajuk	Penulis
<i>Sebuah perahu, sebuah pulau</i>	Rasiah Halil
<i>Balada Bukit Botak</i>	Farihan Bahron
<i>Burung-burung Kota Bijaksana</i>	Hartinah Ahmad
<i>Kita Katakan Kota Kita</i>	Masuri SN
<i>Kota yang Berjaga</i>	Noor S I

### 5. Dasar Penilaian

Penilaian Hadiah Terjemahan Mastera pada dasarnya untuk penterjemahan karya yang telah ditetapkan oleh setiap negara Mastera.. Penterjemahan karya berkenaan harus dihasilkan oleh warganegara negara Mastera, dan belum pernah dicetak atau diterbitkan.

Setiap negara Mastera telah membentuk Jawatankuasa Hadiah Terjemahan dan kumpulan panel penilai bagi memilih karya-karya untuk diterjemahkan, serta menilai karya-karya terjemahan yang diterima sepanjang tempoh penilaian.

Penetapan lima karya terpilih memastikan penterjemahan dinilai berdasarkan kemahiran teknikal penterjemah. Penilai melihat kepada ketepatan penterjemahan, kesetiaan kepada teks dan mesej asal dan juga pemilihan perkataan para penterjemah.

Bagi Hadiah Terjemahan di Singapura, panel penilai yang dibentuk oleh Jawatankuasa Terjemahan Mastera Singapura terdiri daripada Dr. Mukhlis Abu Bakar, Dr. Azhari Ibrahim, Dr. Nazry Bahrawi dan Puan Aziah Zakaria telah memberi komen bahawa penterjemahan karya-karya bahasa melayu ke dalam bahasa Inggeris penting kerana ini menggalakkan pemahaman silang budaya dalam masyarakat majmuk seperti di Singapura dan rantau ini. Penterjemahan dalam bahasa Inggeris pula dapat membantu mengetengahkan penulis-penulis Singapura di peringkat global. Harapan mereka juga besar untuk pemerintah terus membangunkan bakat-bakat penterjemahan teks sastera yang telah dikemukakan melalui peraduan ini.



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Sekretariat Mastera Singapura

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438

## 6. Pemenang Hadiah Terjemahan Mastera 2019

Setiap negara Mastera telah menjalankan sayembara penterjemahan untuk warganegara masing-masing. Berikut ialah pemenang dari setiap negara Mastera:

<b>Negara Mastera</b>	<b>Pemenang</b>
Singapura	Nur-el-Hudaa Binte Jaafar
Malaysia	Ahmad Nazri Bin Abdullah
Brunei Darussalam	Abdul Baaqi Bin Haji Abdul Hisab
Indonesia	Kahar Dwi Prihantono

Biodata ringkas pemenang-pemenang dari setiap negara Mastera terdapat di **Lampiran A**.

Setiap pemenang menerima SGD \$3,000, sekeping sijil dan sebuah piala.

7. Syarat penyertaan boleh dimuat turun daripada lelamen MBMS di lelamen: <https://www.mbms.sg/en/mastera/mastera>



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Sekretariat Mastera Singapura

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438

**Dianjurkan oleh:**



**Disokong oleh:**



*Senarai lampiran:*

*Lampiran A – Profil penerima Hadiah Terjemahan Mastera*

*Lampiran B – Buku Aturcara*



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Sekretariat Mastera Singapura

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438

## **LAMPIRAN A**

### **PENERIMA HADIAH TERJEMAHAN MASTERA 2019**

#### **Nur-el Huda Jaffar (Singapura)**

Nur-El-Hudaa Jaffar, 49 tahun bertugas sebagai perunding editorial dan penterjemah bebas. Beliau telah menulis dan menterjemah beberapa buku cerita kanak-kanak, cerpen dan puisi yang telah diterbitkan. Antaranya, termasuklah *Di Mana Rumah Saya*, *Cerita Mimi* dan *Saya Seekor Harimau*. Beliau telah memenangi beberapa hadiah kesusasteraan; Tempat pertama dan kedua, Anugerah Pena Emas 2017, Tempat Ketiga Sayembara Puisi Nasional 2018 dan Hadiah Merit, Sayembara Puisi Nasional 2017. Yang terkini ialah cerpen 'Pelindung' yang telah meraih tempat naib juara kedua dalam pertandingan Mencari Kristal anjuran Berita Harian dan Majlis Seni Kebangsaan pada tahun 2019.

#### **Ahmad Nazri bin Abdullah (Malaysia)**

Ahmad Nazri bin Abdullah berusia 58 tahun dan baru sahaja menamatkan tugas sebagai pensyarah bahasa Inggeris secara kontrak di Pusat Bahasa Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam Bahasa Inggeris (Kesusasteraan) dari George Mason University, Fairfax, Virginia dan Ijazah Sarjana dalam TESL dari Central Missouri State University, Warrensburg, Missouri dan berpengalaman mengajar sebagai pensyarah bahasa Inggeris selama 30 tahun di beberapa buah universiti awam dan swasta. Lebih daripada 50 artikel jurnal dan kertas kerja seminar dan dua buah buku ilmiah telah diterbitkan/dibentangkan sepanjang kerjaya beliau dan telah menjalankan empat penyelidikan di bawah skim FRGS

#### **Kahar Dwi Prihantono (Indonesia)**

Kahar Dwi Prihantono dilahirkan pada 23 September 1978 dan berasal dari Semarang, Indonesia. Beliau merupakan seorang penterjemah dan antara minat beliau ialah penciptaan dan kajian penterjemahan sastera. Kahar berpengalaman dalam bidang penterjemahan, terutama penterjemahan karya dalam genre cerita kanak-kanak dan cerita rakyat tiga bahasa (Jawa Tengah, Indonesia dan Inggeris). Kahar merupakan anggota Ikatan Penterjemah Pemerintah Indonesia.



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Sekretariat Mastera Singapura

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438

### **Abdul Baaqi Bin Haji Abdul Hisab (Brunei Darussalam)**

Awang Abdul Baaqi bin Haji Abdul Hisab dilahirkan pada 17 September 1992. Beliau pernah menuntut di School of Oriental and African Studies (SOAS), University of London dan mengambil jurusan Undang-Undang. Abdul Baaqi menamatkan kursus pada tahun 2016 dengan memperolehi Diploma and Higher Education. Abdul Baaqi sekarang berkecimpung dalam bidang perniagaan bahan binaan sebagai Pengurus (Manager) bagi segala hal yang berkaitan dengan logistik. Di samping itu Abdul Baaqi juga membahagikan masa dengan pekerjaan pertanian seperti melapangi tanah, menebang pokok dan juga berkebun sayur-sayuran.





**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Sekretariat Mastera Singapura

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438

**LAMPIRAN B**

## **BUKU ATURCARA**

**SEMINAR ANTARABANGSA  
KESUSASTERAAN ASIA TENGGARA  
(SAKAT) 2019**

**The Pod, Bangunan Perpustakaan Negara**  
28 September 2019 | 29 September 2019  
9.30 pagi - 4 petang | 10 pagi- 2.30 petang

m/s 9 - 11

*Diembargo sehingga 28 September 2019, 10.30 pagi*



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Sekretariat Mastera Singapura

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438

## 28 September 2019

- 9.30 Majlis Pembukaan**  
Persembahan  
Ucapan Ketua Mastera Singapura  
Ucapan Tetamu Terhormat
- 10.00 Penyampaian Hadiah Terjemahan Mastera**
- 10.15 Rehat Pagi**
- 10.45 Ucap Utama**  
Dr. Shahrudin Maaruf  
Laknat Tuhan: Orientasi Agama dalam Kesusasteraan dan Persuratan Melayu
- 12.30 Makan Tengah hari**
- 2.00 Pembentangan Kertas Kerja**  
**Sesi 1: Teknologi, Nilai dan Rentas Media**
1. Awangku Mohd Noor Sham @ Awangku Hidir bin Pengiran Hidup (Brunei Darussalam)  
Sastera Siber: Proksi 'Revolusi Industri 4.0'
  2. Prof. Dadang Sunendar, M.Hum (Indonesia)  
Alih Wahana Karya Sastra sebagai Sarana Pengembangan, Pelindungan, dan Pembinaan Sastra
  3. Prof. Madya Dr. Mawar Safei (Malaysia)  
Teknologi dan Kesusasteraan: Alih Wahana dan Rentas Media
  4. Muhammad Andi Zulkepli (Singapura)  
Yang Menuntut Kepedulian dalam Keghairahan Berteknologi dan Kreativiti Rentas Media
- 4.00 Tamat SAKAT Hari Pertama**



**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA** (*Malay Language Council, Singapore*)

Sekretariat Mastera Singapura

d/a Majlis Seni Kebangsaan (*National Arts Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk A #01-01, Singapore 439053

E-mel: [anugerahpersuratan@nac.gov.sg](mailto:anugerahpersuratan@nac.gov.sg) Tel: 63469438

## 29 September 2019

**10.00 Pembentangan Kertas Kerja**  
**Sesi 2: Membangun Ekologi Sastera dan Potensi Manusia**

1. Dayangku Norsafiah binti Pengiran Sapudin (Brunei Darussalam)

Kedinamikan/Alih Wahana Jong Batu/Nakhoda Manis: Antara Kesan dan Implikasinya

2. Prof Aprinus Salam (Indonesia)

Produksi Sastra di Indonesia

3. Muhammed Shahril Shaik Abdullah (Singapura)

Mengenal Batas Manusia: Membedah *Batas Langit* dari Lensa Kritis Ekologi Sastera

**12.00 Rehat Tengah hari**

**12.45 Forum Penulis Muda Mastera**  
**Tajuk: Kota, Teknologi dan Kemanusiaan**

Moderator: Chairul Fahmy Hussaini (Singapura)

Panelist Forum:

1. Puasa bin Kamis (Brunei Darussalam)

2. Prof. Madya Dr. Mawar Safei (Malaysia)

3. Nur Aisyah Lyana binte Mohd Satria (Singapura)

**2.30 Penutup Kata**  
Dr Azhar Ibrahim

**2.45 Tamat Hari Kedua**

m/s 11 - 11

*Diembargo sehingga 28 September 2019, 10.30 pagi*